

Pengekalan dan Peralihan Bahasa Banjar di Lokasi Terpilih di Mukim Bagan Serai, Perak

The Retention and Transition of the Banjar Language in Selected Locations in Mukim Bagan Serai, Perak

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB, CHONG SHIN & KARIM HARUN

ABSTRAK

Masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak menyumbang kepada kepelbagaian warisan tak ketara yang dibawa bersama dari Kalimantan Selatan, Indonesia. Dari aspek warisan bahasa, tinjauan pustaka mendapati bahawa penyelidikan mengenai pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai masih belum dilakukan secara tentatif. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menghuraikan penggunaan dan pemilihan bahasa oleh masyarakat Banjar yang multilingual dengan berpandukan kerangka domain pilihan bahasa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data melalui pemerhatian ikut serta dan rakaman tak sedar. Terdapat empat domain pilihan bahasa yang difokuskan, iaitu domain persahabatan, jual beli, kekeluargaan dan keagamaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam domain persahabatan, kod bahasa Banjar menonjol sebagai medium utama, memperlihatkan kekuatan dan keteguhan identiti budaya di Kampung Parit Haji Taib. Sementara itu, dalam konteks transaksi jual beli di Warung Wadai, terdapat kecenderungan menggunakan campuran kod yang meluas, menggambarkan adaptasi penjual terhadap keperluan komunikasi lintas budaya dengan pembeli. Di dalam domain keagamaan, bahasa Melayu formal mendominasi aktiviti di dalam masjid manakala di perkarangan masjid, peralihan kod terus berlaku dengan bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah digunakan secara berselang-seli. Dalam lingkungan keluarga pula, kod bahasa Banjar tetap menjadi pilihan utama dalam perbualan. Keseluruhannya, pola pilihan kod dalam kesemua domain adalah “a1 [b1] a1” di mana kod asing diselitkan dalam pertuturan yang menggunakan bahasa Banjar sebagai bahasa matrik. Gejala ini menunjukkan bahasa Banjar sedang berdepan keterancamannya di ekologi bahasa Bagan Serai yang multilingual.

Kata kunci: Pertukaran kod; pengekalan dan peralihan bahasa; domain dan pilihan bahasa; bahasa Banjar; Bagan Serai

ABSTRACT

The diaspora Banjar community in Bagan Serai, Perak contributes to the diversity of intangible heritage brought together from South Kalimantan, Indonesia. However, there has been limited research on the retention and transition in the contemporary Banjar community in Bagan Serai. Therefore, this study aims to describe the use and choice of language by the multilingual Banjar community in daily communication, based on the domain framework of language choice. The study utilizes a qualitative approach, collecting data through participant observation and unconscious recording. Four domains of language choice are focused on: friendship, transaction, family, and religion. The findings reveal that the Banjar language is the primary medium in the domain of friendship, showcasing the strength and resilience of cultural identity in Kampung Parit Haji Taib. On the other hand, in the context of transactions at Warung Wadai, a mix of codes is used to illustrate the seller's cross-cultural communication and language adaptation with customers. In the religious domain, formal Malay language predominates activities within the mosque, while outside the mosque, code-switching occurs with the alternation of Banjar language and Kedah Malay dialects. Within the family domain, the Banjar language remains the main choice for conversation. Overall, the pattern of code choice in all the domains follows the pattern “a1 [b1] a1,” where other language codes are inserted into speech that uses Banjar as the matrix language. This phenomenon highlights that the Banjar language faces threats in Bagan Serai's multilingual language ecology.

Keywords: Code-switching; language maintenance and shift; language choice and domains; Banjar language; Bagan Serai

PENGENALAN

Jika menggunakan konsep variasi tinggi (H-variety) dan variasi rendah (L-variety) yang diketengahkan oleh Ferguson (1959), bahasa golongan minoriti pada dasarnya digolongkan ke dalam kategori variasi L kerana berstatus dialek regional manakala bahasa-bahasa utama merupakan variasi H dengan status yang berprestij, diiktiraf sebagai bahasa standard, digunakan dalam domain formal dan sebagainya. Di Alam Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Melayu (Malaysia) merupakan dua bahasa dominan yang berkedudukan sebagai variasi H dan sering ditafsir memberi cabaran kepada kelangsungan bahasa minoriti. Sebagai contoh, Lauder (2007 dlm Marnita 2013) mengatakan bahawa bahasa Indonesia sebagai bahasa dalam pendidikan formal telah mengakibatkan kemusnahan dan kepupusan kebanyakan bahasa minoriti. Namun demikian, tidak ramai yang mengetahui bahawa dialek yang berstatus regional juga turut mengancam daya tahan bahasa minoriti. Sebagai contoh, kajian Sercombe (2002; 2010) mendapati bahasa Iban banyak mendominasi ekologi bahasa komuniti Penan di Sukang, Brunei. Dalam hal ini, kaum Iban dan bahasa mereka walaupun berstatus sosial rendah di persisiran pantai Brunei (Sercombe 2010) namun bahasa ini

amat mempengaruhi pola penggunaan suku Penan. Dalam interaksi seharian, baik di domain keluarga mahupun dengan komuniti luar, bahasa Iban rancak digunakan oleh mereka. Daripada kedua-dua contoh di atas, jelas bahawa bahasa minoriti terutamanya yang marginal sentiasa terdedah kepada ancaman dari bahasa standard dan dialek regional yang lebih utama. Situasi yang seumpama turut dialami oleh masyarakat Banjar yang berdiaspora ke Bagan Serai, Perak. Secara umum, kaum ini berstatus minoriti dan berada dalam ekologi bahasa yang terdiri daripada bahasa Melayu standard (berstatus sebagai variasi H) dan dialek Melayu Kedah (variasi L tetapi luas dituturkan di bahagian utara Semenanjung, termasuk di Perak). Makalah ini bertujuan untuk meninjau pengekalan dan peralihan bahasa kaum minoriti Banjar berdasarkan pola-pola pilihan bahasa mengikut domain dan penggunaannya.

SEJARAH MASYARAKAT BANJAR

Masyarakat Banjar berasal dari wilayah Banjar di Kalimantan Selatan, Indonesia, dengan sejarah yang kaya dan berkait rapat dengan Kerajaan Banjar yang diasaskan pada abad ke-16. Mereka memainkan peranan penting dalam perdagangan rempah ratus dan penyebaran agama Islam di rantau



RAJAH 1. Peta kawasan tanah asal suku Banjar di Lembah Barito, Kalimantan Selatan
Sumber: Syarifuddin Kadir (2016)

tersebut. Islam mula berkembang di wilayah ini sekitar abad ke-15 dan ke-16, menjadikan majoriti masyarakat Banjar kini beragama Islam. Bahasa Banjar, yang merupakan salah satu dialek Melayu, masih digunakan secara meluas. Pada abad ke-19, masyarakat Banjar mula berdiaspora ke kawasan lain seperti Malaysia dan Brunei untuk mencari peluang ekonomi sambil mengekalkan identiti budaya dan bahasa mereka (Riwut 1993).

Masyarakat Banjar yang berasal dari Kalimantan Selatan, sering dikaitkan dengan sifat cenderung untuk berhijrah ke negara lain atau '*madam ka banua urang*' demi mencari rezeki dan meningkatkan taraf hidup. Hal ini demikian kerana, kebanyakan masyarakat Banjar mendiami daerah Delta Barito dan Hulu Sungai, iaitu satu kawasan tanah yang tidak subur, sering berlaku bencana banjir, bersaing dengan masyarakat lain (seperti migran-migran Bugis dari Sulawesi) serta sumber ekonomi yang agak terbatas untuk meneruskan kelangsungan hidup. Di samping itu, penghijrahan masyarakat Banjar adalah disebabkan faktor peperangan, iaitu ketika penguasaan Belanda ke atas kota Banjarmasin yang ketika itu diperintah oleh Sultan Muda Tamjidullah (Lindblad 1988; Aiza dan Norazlan 2020).

Penghijrahan masyarakat Banjar ke Tanah Melayu berlaku sekitar tahun 1880-an hingga 1940-an secara berperingkat (Mohd Hanip Abdul Majid 1982). Sebenarnya, kedatangan mereka pada sekitar tahun tersebut hanyalah merupakan sebahagian daripada proses yang telah lama berlaku sebelum abad ke-19 dalam kalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara. Proses ini didorong oleh persamaan dari segi politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama, kepercayaan, dan cara hidup. Kehadiran masyarakat Banjar ini dibuktikan melalui sumber-sumber bertulis, sumber lisan, dan juga bukti-bukti fizikal yang ditemui di kawasan-kawasan tertentu (Khazin Mohd Tamrin 1984; Usman Yaacob 2005; Farinah Ismail 2022). Mereka memilih kawasan pantai barat sebagai tempat menetap di Tanah Melayu, khususnya di daerah Kerian, Perak. Antara kawasan petempatan mereka termasuklah Parit Buntar, Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Semanggol, dan Changkat Jering (Farinah Ismail 2022).

Masyarakat Banjar yang telah berdiaspora di daerah Kerian, Perak khususnya di Bagan Serai membawa bersama adat dan pegangan serta bahasa mereka. Salah satu adat dan pegangan masyarakat Banjar adalah hidup secara berkelompok

dan mempunyai hubungan yang akrab. Adat dan pegangan yang diamalkan ini bertujuan memudahkan kehidupan mereka di tempat baharu, selain atas faktor keperluan dan keselamatan. Adat dan pegangan ini masih dapat dilihat sehingga kini seperti yang terdapat di mukim Bagan Serai, daerah Kerian, Perak. Pengekalan ciri-ciri keperibadian ini memudahkan masyarakat Banjar untuk sentiasa bekerjasama melakukan aktiviti kehidupan mereka seperti bergotong-royong atau *badarau*, melakukan kerja-kerja menanam padi atau *babandang* dan melakukan *aruh* atau kenduri (Yusmawati 2021).

PERMASALAHAN KAJIAN

Di daerah Kerian, khususnya di Mukim Bagan Serai, masyarakat Banjar hidup dalam ekologi bahasa yang pelbagai. Selain menggunakan bahasa ibunda mereka, mereka juga berada dalam persekitaran yang menuturkan dialek Melayu Kedah, bahasa Melayu standard, dan lain-lain. Menurut Kamaruddin (2019), hakikat bahawa individu atau masyarakat dwibahasa atau multilingual boleh menggunakan lebih daripada satu bahasa perlu diberi perhatian. Ini kerana, ketika berkomunikasi, mereka bukan sahaja perlu memilih satu bahasa, tetapi juga sering mencampur atau beralih kod antara bahasa yang dikuasai.

Percampuran masyarakat Banjar dengan komuniti di sekeliling mereka telah mewujudkan persaingan antara bahasa ibunda mereka dengan bahasa atau dialek lain. Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, yang merupakan kelompok etnik minoriti, menggunakan bahasa Banjar sebagai bahasa pertama ketika bertutur sesama mereka. Selain bahasa ibunda, mereka juga mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam semua sektor, baik dalam domain rasmi mahupun tidak rasmi. Di samping itu, mereka menggunakan dialek Melayu Kedah dalam komunikasi dengan komuniti Melayu setempat. Dalam senario ini, terdapat pertembungan antara pelbagai bahasa dengan bahasa Banjar dalam kalangan mereka. Pertembungan dengan bahasa lain, khususnya bahasa dan dialek Melayu, berpotensi menyebabkan jumlah penutur bahasa ibunda semakin berkurangan (Noriah dan Meriam 2005; Riduan et al. 2019), terutamanya jika bahasa tersebut merupakan bahasa dominan.

Pemilihan bahasa oleh penutur boleh berubah dan disesuaikan mengikut fungsi penggunaannya. Setiap masyarakat bahasa mempunyai pilihan yang

berbeza terhadap bahasa yang mereka gunakan, yang seterusnya menentukan hasil proses peralihan bahasa yang berlaku (Sa'adiah 2014). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu seperti Sa'adiah (2014), Dilah et al. (2021), Ajas dan Chong Shin (2022), dan lain-lain, terdapat satu gejala umum yang dapat diperhatikan, iaitu golongan minoriti sering mengalami peralihan bahasa yang kompleks. Dalam konteks di Bagan Serai, masyarakat Banjar yang merupakan golongan minoriti perlu dikaji untuk menentukan sama ada bahasa mereka juga menghadapi situasi yang sama.

Dalam mengkaji pilihan bahasa kelompok minoriti, aspek yang lazim difokuskan oleh para peneliti ialah mengkaji sikap mereka terhadap sesuatu bahasa dan kajian-kajian ini biasanya dilakukan dengan pendekatan kuantitatif. Tidak dapat dinafikan bahawa daripada skor berbentuk numerik yang diperolehi, sesuatu tingkah laku dan persepsi terhadap sesuatu bahasa dapat dikenalpasti. Namun demikian, pendekatan ini kurang berupaya dari segi mencungkil ciri-ciri sosiolinguistik sesuatu komuniti yang dikaji. Ini kerana bentuk kajian ini sebenarnya kajian sosio-psikologi penutur terhadap sesuatu bahasa dan ini sejajar dengan hujah Ladegaard (2000: 215) iaitu:

“in the socio-psychology of language, researchers often analysed affective components of language attitude, however, the incorporation of behavioural aspect is scarce. Those studies which have tried to incorporate the behavioural aspect often used an indirect means of eliciting behaviour such as requests

given in a particular variety of speech, arguing that if people incorporate, this is seen as indicative of positive attitudes”.

Sehubungan itu, kajian yang bertitik-tolak dari aspek sosio-psikologi hanya menyumbangkan data yang berbentuk pengakuan dan pandangan peribadi penutur terhadap bahasa di sekeliling mereka. Hasil data yang dikumpulkan sama ada mencerminkan situasi yang sebenarnya sukar untuk dikenal pasti. Berdasarkan permasalahan kajian yang dibincangkan, secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pilihan bahasa masyarakat Banjar di Bagan Serai dengan melihat aspek pencampuran dan pertukaran kod bahasa dalam bahasa yang dituturkan oleh penutur Banjar, di berbagai-bagai domain. Dengan adanya dalil-dalil linguistik yang nyata, maka fenomena peralihan bahasa komuniti ini dapat dikenal pasti.

KERANGKA KAJIAN

Dalam mengkaji bagaimana masyarakat Puerto Rico menggunakan bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, Fishman dan Greenfield (1970) dalam Fishman (1971) mengaplikasikan konsep domain. Mereka menggariskan lima domain yang berbeza, termasuk keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Faktor-faktor seperti peserta, lokasi, dan topik menentukan pembentukan setiap domain. Struktur model domain ini seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Model Domain Pemilihan Bahasa Fishman dan Greenfield (1970)

| Domain | Peserta | Tempat | Topik |
|--------------|---------------|-----------------|---|
| Keluarga | Ibu-Bapa | Rumah | Bagaimana menjadi anak yang baik |
| Persahabatan | Teman | Di luar sekolah | Bagaimana cara memainkan suatu permainan |
| Agama | Petugas agama | Gereja | Bagaimana menjadi penganut agama yang baik |
| Pendidikan | Guru | Sekolah | Bagaimana menyelesaikan masalah algebra. |
| Pekerjaan | Pekerja | Tempat Kerja | Bagaimana melakukan pekerjaan dengan lebih berkesan |

Winford (2003) dalam menafsirkan konsep ini menyatakan bahawa “Analisis domain memberikan pemahaman yang mendalam tentang pola umum pemilihan bahasa dalam masyarakat yang bertutur dwibahasa. Konsep ini menghubungkan bagaimana penggunaan bahasa diperlihatkan oleh individu dalam interaksi verbal sehari-hari”. Dalam kajian ini, data yang difokuskan ialah dialog-dialog informan Banjar yang digunakan dalam pelbagai domain. Melalui kajian terhadap hubungan pilihan kod bahasa dalam berinteraksi dengan domain-domain, selain dapat mengenalpasti tahap pengaruh bahasa

asing atau pengekalan bahasa ke atas bahasa ibunda dalam struktur bahasa, juga dapat menentukan situasi (domain) manakah yang lebih mendorong kepada peralihan bahasa, ataupun sebaliknya.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Dalam usaha meninjau pilihan bahasa masyarakat Banjar di Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak, pengkaji telah menyorot beberapa kajian lepas berkaitan fokus kajian ini. Bahagian ini dimulakan dengan ulasan kajian-kajian lepas yang khusus

tentang pilihan bahasa dalam kalangan komuniti Banjar Diaspora. Ini diikuti dengan sorotan tentang pilihan bahasa dalam komuniti lain di Alam Melayu.

Kajian Wardani, Sukamto, dan Simanjuntak (2016) bertujuan untuk mengkaji kekerapan penggunaan bahasa serta perbezaan sikap di kalangan masyarakat Banjar di Pontianak berdasarkan faktor generasi. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti status bahasa Banjar di Pontianak dengan menggunakan teori domain. Hasil analisis data menunjukkan bahawa responden yang berumur 51 tahun ke atas masih menggunakan bahasa Banjar secara meluas dalam domain rumah, kejiwaan, dan masyarakat. Selain itu, sikap mereka terhadap bahasa Banjar juga cenderung positif. Di sisi lain, responden yang berumur antara 25 hingga 50 tahun cenderung menggunakan bahasa Banjar seimbang dengan bahasa Indonesia/Melayu Pontianak dalam domain rumah, kejiwaan dan masyarakat. Pada peringkat usia ini, sikap terhadap bahasa Banjar mulai menunjukkan kecenderungan negatif di kalangan responden. Selanjutnya, responden yang berumur di bawah 25 tahun cenderung menggunakan bahasa Indonesia/Melayu Pontianak secara eksklusif dalam domain yang diselidiki. Sikap responden terhadap bahasa Banjar adalah negatif.

Kajian yang dijalankan oleh Husni Mubarak (2016) bertujuan untuk mengidentifikasi pola kecenderungan penggunaan bahasa Banjar oleh masyarakat Banjar di Daerah Kotabaru, mukim Pulau Laut Utara, khususnya dalam domain keluarga dan pentadbiran kerajaan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif, melalui penyelidikan lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga menggambarkan fenomena sikap bahasa yang positif, di mana kebanyakan responden menggunakan bahasa Banjar secara konsisten dalam domain ini. Namun begitu, dalam domain pentadbiran kerajaan, penggunaan bahasa Banjar adalah kurang konsisten, dengan penggunaan yang bertukar-tukar antara bahasa Banjar dan bahasa Indonesia. Dapatan ini menunjukkan fenomena sikap bahasa yang negatif, dengan penggunaan bahasa yang pelbagai dan tidak konsisten dalam domain pentadbiran kerajaan.

Kajian oleh Corisa Charolina (2019) mengkaji pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak di Palangkaraya, khususnya dalam ranah keluarga. Masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak dalam domain keluarga ini merujuk kepada pasangan suami-isteri yang berasal

dari kelompok etnik yang berbeza, tetapi tinggal dalam keluarga yang sama atau dengan orang lain dari suku yang sama. Mereka menggunakan bahasa yang sesuai dengan situasi dan keperluan semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga lain untuk menjaga keakraban di antara mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pilihan bahasa dalam domain keluarga oleh masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak melibatkan bahasa Banjar, bahasa Dayak, dan bahasa Indonesia. Selain itu, terdapat peralihan kod di mana mereka menggunakan campuran bahasa Indonesia-Banjar, Indonesia-Dayak, Dayak-Banjar, Dayak-Indonesia, dan Banjar-Dayak. Terdapat lima fungsi pilihan bahasa yang dikenal pasti dalam masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak, iaitu *instrumental* (penggunaan bahasa untuk mencapai tujuan praktikal), regulasi (penggunaan bahasa untuk mengawal tingkah laku), representasi (penggunaan bahasa untuk menyampaikan maklumat), interaksional (penggunaan bahasa dalam hubungan sosial), heuristik (penggunaan bahasa untuk memecahkan masalah), dan personal (penggunaan bahasa untuk menyatakan diri). Faktor-faktor yang memengaruhi pemilihan bahasa termasuk situasi dan konteks (waktu dan tempat) di mana peserta berada semasa berinteraksi, topik perbualan yang sedang dibincangkan, serta tujuan atau fungsi interaksi yang ingin dicapai.

Beberapa perenggan berikut merupakan sorotan terhadap pemilihan bahasa oleh komuniti lain di Alam Melayu, khususnya kajian yang menerapkan kerangka domain Fishman. Di Maluku Tengah, Indonesia Ajas dan Chong Shin (2022) mengkaji pemilihan bahasa di Kampung Sepa. Hasil kajian menunjukkan bahawa generasi muda di Sepa cenderung memilih bahasa Ambon sebagai bahasa interaksi utama kerana mereka sudah tidak lagi menguasai bahasa Sepa. Secara umum, generasi tua akan menyesuaikan diri dengan menggunakan bahasa Ambon apabila berbicara dengan generasi muda. Hampir semua situasi percakapan di Sepa berlangsung dalam bahasa Ambon, dengan hanya sedikit kata atau frasa dalam bahasa Sepa diselitkan. Beberapa faktor yang menyumbang kepada pemilihan bahasa Ambon dalam kalangan orang Sepa termasuk dominasi bahasa Ambon sebagai bahasa interaksi di seluruh Maluku, tinggalnya orang Sepa di kampung yang multi-etnik, dan perkawinan campur antara orang Sepa dengan suku etnik lain. Kajian ini telah memberikan sumbangan kepada perkembangan penelitian pemilihan bahasa dan berupaya menyedarkan masyarakat tentang

kepentingan memelihara bahasa suku etnik sebagai komponen utama kebudayaan dan masyarakat.

Di Sarawak, kajian yang dilakukan oleh Chong Shin, Hendrikus, dan Collins (2018) telah menghuraikan pemilihan bahasa dalam konteks komuniti Penan Muslim yang multilingual. Mereka menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan wawancara untuk mengumpulkan data, serta merujuk kepada kerangka Fishman (1972) tentang pemilihan bahasa mengikut domain. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan bahasa suku Penan Muslim dipengaruhi oleh domain, khususnya dalam konteks keagamaan. Masyarakat Penan memilih bahasa Bintulu sebagai lambang identiti agama Islam. Ini disebabkan oleh kurangnya penyebaran bahasa Melayu di kawasan lembah Kemena, Bintulu, pada masa awal penyebaran agama Islam di kalangan suku Penan. Oleh itu, sebagai tanda identiti agama mereka, mereka memilih bahasa Bintulu, yang merupakan bahasa yang dominan digunakan oleh komuniti Islam di kawasan tersebut.

Dilah Tuah et al. (2021) menjalankan penelitian mengenai pilihan bahasa dalam masyarakat minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak. Kajian awal ini meneliti bagaimana bahasa Kedayan bertahan terhadap pengaruh bahasa Melayu, dialek Melayu Sarawak, dan bahasa Iban. Kajian ini menggunakan pendekatan domain dan pilihan bahasa yang dikemukakan oleh Fishman (1972). Lima aspek pilihan bahasa yang diberi perhatian termasuklah kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Kedayan tetap menjadi bahasa utama meskipun terdapat persaingan daripada dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Ini menunjukkan kestabilan dan kepentingan bahasa Kedayan, serta memberikan keyakinan bahawa bahasa tersebut lebih lestari berbanding dengan bahasa-bahasa minoriti lain di Sarawak.

Sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu mengenai sikap dan pemilihan bahasa masyarakat Banjar di Pontianak, Palangkaraya, dan Kotabaru, mukim Pulau Laut Utara mendapati bahawa penduduk Banjar semakin menunjukkan sikap negatif terhadap bahasa ibunda mereka. Oleh itu, kajian serupa terhadap masyarakat Banjar Diaspora di Daerah Kerian, Perak yang juga merupakan Banjar diaspora perlu dilakukan kerana masih kurang atau tiada kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar di Bagan Serai, Perak. Berdasarkan rumusan dari kajian-kajian terdahulu yang dikaji, didapati bahawa pendekatan domain dan pilihan bahasa

adalah sesuai untuk meneliti sikap dan pilihan bahasa. Pendekatan domain yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik tersebut berjaya mengkaji tahap penggunaan bahasa, sama ada bahasa utama atau dialek tempatan. Menurut pendapat penulis, kajian pemilihan bahasa harus memberi tumpuan kepada dialek atau bahasa minoriti kerana bahasa-bahasa ini sedang menghadapi ancaman kepunahan.

KAEDAH KAJIAN

Sebagai disiplin ilmu sains sosial, kajian linguistik perlu ditekankan dengan kaedah kajian sistematik dan saintifik kerana sifatnya yang bersifat empirikal. Dalam konteks kajian ini, kaedah kajian didasarkan pada dua aspek utama: pertama, menggunakan sumber rujukan melalui kajian pustaka, dan kedua, mengumpulkan data primer dari lapangan melalui kajian lapangan. Melalui penyelidikan pustaka, teori, pendapat, dan konsep yang sesuai dapat diperoleh dan dibincangkan untuk diterapkan dalam kajian ini. Sumber-sumber pustaka juga memberikan maklumat tentang penyelidikan terdahulu berkaitan dengan pilihan bahasa dalam masyarakat multilingual. Asas teori dan hasil kajian yang relevan merupakan unsur penting dalam penulisan akademik. Kajian pustaka juga membantu penyelidik untuk mendapatkan pelbagai idea yang berkaitan dengan bidang kajian yang sedang dikaji. Dalam menjalankan penyelidikan ini, penting untuk mengakui peranan penting kajian lapangan dalam mendapatkan sumber data primer. Tanpa kajian lapangan, kajian hanya akan bersifat teoritis, di mana hanya mengandalkan data sekunder yang telah dikumpulkan oleh penyelidik sebelumnya (Ajas dan Chong Shin 2022).

Dalam konteks menentukan pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di lokasi terpilih di Bagan Serai, pengkaji menggunakan teknik pemerhatian ikut serta, iaitu pendekatan lazim yang digunakan oleh penyelidik dalam mengkaji pilihan bahasa. Kaedah ini memerlukan penyelidik terlibat secara aktif dalam masyarakat yang dikaji, berinteraksi dengan mereka, dan memahami budaya serta cara hidup masyarakat tersebut. Lokasi kajian dipilih di Bagan Serai, Perak kerana ia merupakan kawasan yang kaya dengan pelbagai aktiviti sosial dan budaya masyarakat Banjar diaspora yang relevan untuk mengkaji pilihan bahasa dalam pelbagai domain (rujuk Jadual 2). Di kawasan ini, terdapat interaksi yang aktif dalam kalangan penduduk dalam konteks keluarga, persahabatan, agama,

dan jual beli. Pemilihan lokasi seperti rumah di Kampung Parit Gabis, kenduri di Kampung Parit Haji Taib, Masjid At-Taqwa, dan Warung Wadai di Masjid Tinggi membolehkan pemerhatian yang komprehensif terhadap penggunaan bahasa dalam situasi yang berbeza. Setiap tempat dipilih dengan teliti untuk mewakili domain tertentu, membolehkan

pengumpulan data yang relevan tentang cara dan alasan penduduk Bagan Serai dalam memilih bahasa yang mereka gunakan dalam interaksi harian mereka. Lokasi-lokasi ini juga mencerminkan kehidupan sebenar penduduk, memberikan gambaran yang tepat dan mendalam mengenai dinamika pilihan bahasa di kawasan tersebut.

JADUAL 2. Pemilihan Bahasa dalam Empat Domain di Lokasi Terpilih di Bagan Serai, Perak

| Domain | Peserta | Tempat | Topik |
|--------------|-----------------------------|-------------------------------|--|
| Keluarga | Adik-Kakak | Rumah kakak di Kg.Parit Gabis | Sejarah kedatangan keluarga ke Bagan Serai |
| Persahabatan | Penduduk kampung | Kenduri di Parit Haji Taib | Bekas dan jenis makanan kenduri |
| Agama | Petugas agama & ahli kariah | Masjid At-Taqwa | Hebahan di dalam masjid dan jamuan berbuka di perkarangan masjid |
| Jual Beli | Penjual-Pembeli | Warung Wadai, Masjid Tinggi | Membeli makanan & kuih-muih |

Di lokasi kajian, penulis pertama telah terlibat secara langsung dalam aktiviti masyarakat, mengamati interaksi mereka, dan merakam percakapan mereka semasa berkomunikasi. Pemilihan sampel dilakukan secara berstruktur, iaitu melibatkan penetapan kriteria tertentu untuk memilih peserta kajian bagi memastikan representasi yang seimbang dan menyeluruh. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menetapkan kriteria seperti peserta, tempat dan topik perlulah bersesuaian dengan domain yang dikaji (rujuk Jadual 2). Contohnya, bagi domain agama, peserta yang dipilih ialah petugas agama dan ahli kariah, tempat di masjid dan topik berkaitan domain keagamaan. Penetapan kriteria ini bertujuan untuk mendapatkan perspektif yang pelbagai tentang penggunaan bahasa. Pemilihan sampel berstruktur ini memastikan setiap subkumpulan dalam populasi diwakili, yang membolehkan pengkaji membuat perbandingan yang sah antara kumpulan-kumpulan tersebut. Kajian ini mengikuti metodologi yang disarankan oleh Creswell (2014) yang menekankan pentingnya pemilihan sampel yang teliti untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang diperoleh.

Rekod percakapan ini diperoleh melalui kaedah rakaman tak sedar untuk memastikan data yang diperoleh adalah asli tanpa sebarang modifikasi. Dengan kata lain, dengan tidak sedar akan kehadiran alat rakaman, penutur cenderung untuk berbicara secara spontan tanpa memperhatikan gaya atau sebutan mereka. Data yang diperoleh setelah kajian lapangan terdiri daripada catatan pemerhatian dan rakaman tak sedar. Kesemua rakaman akan dipilih berdasarkan kualiti bunyi yang jelas untuk dianalisis. Data mentah tersebut akan ditranskripsi dengan menggunakan *International Phonetic*

Alphabet (IPA). Setiap dialog yang dipaparkan akan disertakan dengan terjemahan bebas bagi menunjukkan maknanya.

ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam penyajian data, aksara yang ditebalkan (*bold*) menandakan bahasa Banjar, sementara kata atau frasa yang digaris bawah menunjukkan penggunaan dialek Melayu Kedah, dan yang tidak ditanda khas adalah bahasa Melayu standard. Oleh kerana keterbatasan ruangan dalam jurnal, pengkaji hanya membincangkan satu sesi dialog dari setiap domain yang dikaji. Secara keseluruhannya, terdapat 4 domain penggunaan bahasa yang dikaji, seperti berikut.

DOMAIN PERSAHABATAN

Dari segi latar belakang, komunikasi ini berlangsung ketika makan di majlis kenduri (aroh) di Kampung Parit Haji Taib, Bagan Serai, Perak. Dalam komunikasi ini, peserta kajian terdiri daripada empat orang penduduk yang berumur 40 tahun ke atas. Mereka sedang duduk berbual ketika sedang menikmati makanan tengah hari di majlis kenduri di kampung tersebut.

Peserta Dialog

- A: Penduduk Kampung Parit Haji Taib (lelaki, 30 tahun ke atas), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.
 B: Penduduk Kampung Parit Haji Taib (lelaki, 40 tahun ke atas), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.

- C: Penduduk Kampung Parit Haji Taib (lelaki, 40 tahun ke atas), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.
- D: Penduduk Kampung Parit Haji Taib (lelaki, 70 tahun ke atas), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.
- (1) A: Assalamualaikum wbt hari ni **aroh** rumah haji Baharuddin. ni, nasi dalam **rantaṅ**. Ada nasi tomato **leh**.
Assalamualaikum wbt hari ni kenduri rumah haji Baharuddin. ni, nasi dalam bekas makanan bertingkat. Ada nasi tomato ya.
- (2) B: Kenapa **rantaṅ kada? bercuris**, kau **padahkan**.
Kenapa bekas makanan bertingkat ini tidak bocor, kau beritahu.
- (3) C: Ni **ampal masa? kicap**.
Ni daging lembu yang dihancurkan menjadi lempeng masak kicap
- (4) A: **Kada? bersan?du?**
Tiada senduk.
- C: **Pakayi sudu manyo? aii**
Pakai sudu cukuplah
- (5) C: **Umai nandukah lagi?**
Masih kenalkah lagi?
- D: **Nandu**
Kenal
- (6) C: **Angah padahkan** ni apanya lauknya?
Angah (panggilan kepada orang tua yang dihormati) apa nama lauk ini?
D: Ini **pulut berhiris**.
Ini pulut berhiris.
C: **Depa nyambat** pulut arunan.
Orang sebut pulut arunan
D: Arunan biris, arunan **leh**
Arunan biris, arunan ya
C: Ni apanya **hiraṅ** ni, padahkan
Apa yang hitam ni, beritahu
D: Mata **kada hawas**
Mata rabun
C: Cuba **niriṅ**
Cuba tengok
D: **Terupoṅ** baru **hawas**, ini **ampal** masa? kicap, yang ni **ayaq** asam, yang ni kambiṅ masa? kurma.

Berdasarkan dapatan situasi perbualan di atas, didapati bahawa bahasa Banjar masih digunakan sebagai bahasa matrik dalam domain persahabatan, iaitu sebagai bahasa komunikasi utama. Meskipun dialog (1) menyaksikan klausa-klausa yang

menggunakan bahasa Melayu standard dan sukar untuk menentukan jenis bahasa yang digunakan, namun bahasa matrik yang dikenalpasti ialah bahasa Banjar kerana kata aluan dan kata-kata nama dalam struktur ayat merupakan kata-kata yang biasa disebutkan dalam bahasa Melayu. Dari segi perbezaan umur, golongan yang terlibat dalam perbualan ialah generasi berumur 30-an dan 40-an. Ini menunjukkan bahawa sesama rakan-rakan yang sebaya dan hampir sebaya, bahasa Banjar masih digunakan sebagai bahasa komunikasi dan mereka menggunakannya dengan baik. Pengekalan bahasa Banjar di kampung ini mungkin disebabkan oleh generasi kedua dan ketiga ini masih tinggal di kampung tersebut dan faktor ini mendorong kepada penggunaan bahasa Banjar yang kerap. Namun begitu, peralihan bahasa tetap dikesani kerana terdapat penggunaan kosa kata dialek Melayu Kedah yang agak terhad, seperti 'depa' dan 'ayaq'. Secara keseluruhannya, jika mengikut corak pertuturan yang dikemukakan oleh Auer (1995), corak pilihan kod dalam pertuturan dialog tersebut adalah jenis penyisipan dengan pola yang seperti berikut. Pola ini menunjukkan penyisipan bahasa asing (diandaikan dengan bahasa "b1") ke dalam sesuatu pertuturan (diandaikan dengan bahasa "a1").

Corak pilihan kod: a1 [b1] a1

DOMAIN JUAL BELI

Komunikasi ini berlangsung ketika aktiviti jual beli di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai. Dalam komunikasi ini, peserta kajian terdiri daripada empat orang penduduk yang terdiri daripada penjual di warung dan pembeli. Mereka sedang duduk berbual ketika sedang menikmati makanan tengah hari di majlis kenduri di kampung tersebut.

Peserta Dialog

- A: Penjual (perempuan, 50-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah yang baik.
- B: Pembeli (perempuan, 20-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang lemah dan menggunakan bahasa slanga moden.
- C: Pembeli (lelaki, 40-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sederhana dan dialek Melayu Kedah yang baik.

- D: Pembeli (lelaki, 50-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang baik.
 E: Pembeli (lelaki, 50-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang baik.

- (7) A: Lagi sapa nak kira? Ada lima puluh sen ka? Singgi? kə? Lagi siapa nak kira? Ada lima puluh sen atau seringgit
 B: Yang ni pe ? kerabu ea?
 Yang ni apa ? kerabu kə?
 A: Kerabu selom. Maseh.
 Kerabu selom. Terima kasih.

- (8) A: Kuoi berapa? Duwa kə tiga?
 Kuih berapa? Dua atau tiga?
 C: Dua.. dua.. Sat na.
 Dua..dua..kejap yə
 Laksa ape?
 Laksa apa?
 A: Laksa beras
 Laksa beras
 C: Laksa beras, ea?
 Laksa beras yə
 A: Ha..
Yə

- (9) D: **Napa diniring** sama **haja?**?
 Kenapa dilihat semua sama?
 E: **Kada jumpa?** **wadai**
 Tidak jumpa kuih

Berdasarkan dapatan situasi perbualan di atas, aktiviti jual beli di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak memperlihatkan penggunaan bahasa campuran. Dalam dialog (7) dan (8), didapati penjual memilih bahasa yang bersesuaian ketika berurusan dengan pembeli. Bahasa matriknya merupakan bahasa Melayu standard tetapi semasa berurusan dengan pembeli B, penjual beralih kepada bahasa slanga moden contohnya *maseh* yang merujuk kepada terima kasih dan *singgi?* yang merujuk kepada seringgit. Ketika berurusan dengan pembeli C, penjual A beralih kepada dialek Melayu Kedah seperti penggunaan perkataan *sat* yang merujuk kepada kejap dan *kuoi* yang merujuk kepada kuih. Penggunaan dialek ini memaparkan kemampuan penjual untuk menyesuaikan cara komunikasi mereka dengan latar belakang bahasa dan dialek pembeli. Dari segi corak pilihan kod, pola yang terpapar adalah bentuk “a1 [b1] a1”. Penyesuaian ini tidak hanya memudahkan komunikasi, tetapi juga mempererat hubungan antara penjual dan pembeli melalui keserasian bahasa dan budaya.

Corak pilihan kod: a1 [b1] a1

Dapatan juga menunjukkan bahawa apabila pembeli terjumpa dengan rakan mereka yang berketurunan Banjar, mereka akan menggunakan bahasa Banjar semasa berkomunikasi di lokasi kajian seperti ditunjukkan komunikasi antara pembeli D dan pembeli E di (9). Dapat disimpulkan bahawa aktiviti jual beli yang berlaku di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak mencerminkan penggunaan bahasa campuran secara meluas dalam kalangan masyarakat setempat. Penjual menyesuaikan bahasa mereka dengan pelbagai dialek dan slanga yang sesuai dengan latar belakang pembeli, menunjukkan kefleksibelan linguistik serta pemahaman budaya yang mendalam. Ini bukan sahaja memudahkan komunikasi, tetapi juga mengukuhkan hubungan sosial dan budaya dalam komuniti tersebut. Peralihan bahasa Banjar kepada dialek Melayu Kedah dan bahasa slanga menunjukkan dinamik perubahan bahasa yang dipengaruhi oleh faktor sosial dan generasi, yang turut mencerminkan evolusi identiti budaya di kalangan masyarakat setempat.

DOMAIN KELUARGA

Komunikasi ini berlangsung di Kampung Parit Haji Gabis, Bagan Serai, Perak. Dalam komunikasi ini, peserta kajian terdiri daripada penduduk di Bagan Serai yang mempunyai pertalian keluarga, iaitu adik dan kakak. Dalam rakaman ini, kedua-dua penutur ini sedang duduk berbual di dapur bercerita berkaitan sejarah kedatangan ibu dan bapa mereka dari Indonesia ke Bagan Serai.

Peserta Dialog

- A: Adik (lelaki, 60-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.
 B: Kakak (perempuan, 70-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.
- (10) A: **Bahari kaipa** datang kemari **kisahnya?** ?
 Zaman dahulu, bagaimana datang ke Bagan Serai. Ada sejarahke?

B: **Kada taho?** Ayah urang sini umaq urang Banjar di sana. **Sawat tarpisah satahon.**

Kurang pasti. Ayah urang di Perak, emak urang Banjar di Indonesia. Sempat terpisah selama setahun.

A: Ohhh..**Sawat tarpisah leh.**

Ohh..Sempat terpisah ya.

B: Arwah **uma mambawa anaq empat iku** di sini. Arwah ayah bataba^u pukok datang ke sini.

Arwah emak membawa empat orang anak di Bagan Serai. Arwah ayah membersihkan hutan meneroka kawasan di sini.

A: **Bahari kadada** harimau?

Dulu masa meneroka tempat ini ada harimau?

B: Hahaha...**kadada**

Hahaha...tiada

A: Buaya ada?

Buaya ada?

B: Hahaha...Ada. **Nirin**^u banyak sungai tu.

Hahaha...Ada. Lihat banyak sungai di sini.

Berdasarkan dapatan situasi perbualan di atas, penutur A dan B kedua-duanya jelas menguasai bahasa Banjar dengan sangat baik. Jadi bahasa matrik dalam dialog ini ialah bahasa Banjar dan bahasa sisipan ialah bahasa Melayu standard. Penutur A memulakan perbualan dengan pertanyaan dalam bahasa Banjar, seperti *Bahari kaipa datang kemari kisahnyaa??* dan *Bahari kadada harimau* yang menunjukkan kefasihan dalam menggunakan bahasa ini dalam situasi sehari-hari. Ini menandakan bahawa penutur A selesa dan mahir dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Banjar. Sama juga seperti penutur A, Penutur B yang memberikan jawapan dalam bahasa Banjar menunjukkan pemahaman mendalam dan penggunaan kosa kata yang tepat, seperti *kada taho?* 'tidak tahu', *sawat tarpisah satahon* 'sempat terpisah setahun', dan *nirin*^u 'lihat'. Penutur B juga mampu menceritakan kisah keluarga dan peristiwa masa lalu dengan lancar dalam bahasa Banjar, seperti *arwah uma mambawa anaq empat iku*^u di sini 'arwah ibu membawa empat orang anak ke sini'. Kedua-dua penutur menunjukkan kemampuan untuk berkomunikasi dengan jelas dan efektif dalam bahasa Banjar, mencerminkan pengekalan bahasa ini dalam kehidupan mereka. Penggunaan bahasa Banjar yang konsisten dan spontan oleh kedua-dua penutur ini menandakan bahawa bahasa ini masih aktif digunakan dan difahami dengan baik dalam komuniti mereka. Namun demikian, kehadiran bahasa Melayu Standard dalam dialog-dialog mereka menunjukkan gejala penyisipan dalam

pertuturan yang berbahasa Banjar dan pola yang dikenalpasti tetap berbentuk "a1 [b1] a1".

Corak pilihan kod: a1 [b1] a1

Di samping itu, penggunaan bahasa Banjar yang rancak dalam dialog ini juga dipengaruhi oleh domain dan topik yang dibicarakan. Dalam domain kekeluargaan yang dikaji ini, penutur Banjar cenderung memilih bahasa Banjar dan ini sejajar dengan tafsiran bahawa bahasa ibunda kerap digunakan dalam domain keluarga. Dari segi topik, oleh kerana topik perbualan berkaitan dengan "sejarah kedatangan ibu dan bapa mereka dari Indonesia ke Bagan Serai", maka pemilihan bahasa Banjar dalam konteks ini dapat menonjol "identiti" sejarah mereka secara setimpal.

DOMAIN AGAMA

Komunikasi ini berlangsung di Masjid At-Taqwa di Taman Serai Maju, Bagan Serai. Dalam komunikasi ini, peserta kajian terdiri daripada penduduk di kawasan taman dan kampung berhampiran yang merupakan ahli kariah yang menggunakan masjid ini untuk beribadat dan aktiviti keagamaan. Dalam rakaman ini, komunikasi dibahagikan kepada dua situasi, iaitu penutur yang berada di dalam masjid dan penutur yang berada di perkarangan masjid.

Peserta Dialog

A: Ahli jawatankuasa masjid (lelaki, 50-an), boleh menuturkan bahasa Melayu dan dialek Melayu kedah dengan baik.

B: Ahli kariah (lelaki, 70-an), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik.

Situasi 1: Di dalam masjid

(11) A: Assalamualaikum warahmatulla?. injaalla?, pada malam ni kita buat lapan rakaa?, lepa?tu ada witr dan disusuli dengan satu tazkira?.

Assalamualaikum w.b.t. IsyaAllah, pada malam ini kita buat lapan rakaan, lepas itu ada witr dan disusuli dengan satu tazkirah.

: Kemudian, tuan-tuan, memaklumkan, mulayi subu? eso? kita ada program qiamulayi na.

Kemudian, untuk makluman muali subuh esok akan diadakan program qiamulail.

: Infaallah, jadi dijemputlah semua muslimin dan muslima? untu? kita mengimarahkan masjid kita bermula subu? eso? sampaila? ke malam 9 hari bulan.

Insyallah, jadi jemputlah semua muslimin dan muslimat untuk kita mengimarahkan masjid Kita bermula subuh esok sehinggalah malam 9 haribulan.

: Kita akan mula dalam pukul 4:15 lagu tu, sola? tauba?, solat tasbi? dan kalau sempa? kita sola? haja?. Dan diikuti dengan sahur jika kateri? ta? lupa la. Kalau kateri? lupa, kita bali? terus sahur deka? rumah.

Kita bermula dalam pukul 4.15 pagi, solat taubat, solat tasbih dan kalau sempat kita solat Hajat, diikuti dengan sahur jika kateri? tidak lupa. Kalau kateri? lupa, kita balik bersahur di rumah.

Situasi 2: Di perkarangan masjid

(12)B: Ha kami hari ini berbuka puawsa, aaa, mema? ramayi la. Ha, ini ada kawan, kawan kita ni daripada Selangor. Aaa, alhamdulillah hari ni. Ni tukang masa? kita ni hari ni. Yang baju hijau. Tukang masa? kita

Ha kami hari ini berbuka puasa, aaa, mema? ramai la. Ha, ini ada kawan, kawan kita ni daripada Selangor. Aaa, alhamdulillah hari ni. Ni tukang masak kita ni hari ni. Yang baju hijau. Tukang masak kita.

:Ni pa? aji kita ni, depan **misjid** ja. Tak jauh . Alhamdulillah. Mai, mai, mai. Ha, kaum wanita pun lebih ramayi.

Ni pak aji kita ni, depan masjid ja. Tak jauh. Alhamdulillah. Mai, mai, mai. Ha, kaum wanita pun lebih ramai

:**Sukor** alhamdulillah la hari ni. ada ramai hadir hari ini kaum wanita kita. Adi?, Adi? ni pi sana. Banya? kosong.

:Syukur alhamdulillah la hari ni. ada ramai hadir hari ini kaum wanita kita. Adik, adik ni pi sana. Banyak kosong.

Berdasarkan dapatan situasi komunikasi di dalam masjid, pemilihan bahasa yang dominan adalah bahasa Melayu formal dan baku, yang mencerminkan konteks keagamaan di dalam sebuah masjid. Penutur menggunakan istilah keagamaan seperti *Assalamualaikum warahmatulla?* dan *Infaallah* dengan konsistensi, menunjukkan penghargaan terhadap konvensi bahasa dalam

konteks keagamaan. Penggunaan istilah teknikal seperti *witir*, *tazkirah*, *qiamulayi*, dan *sahur* menunjukkan pemahaman mendalam terhadap praktik keagamaan Islam dan kebudayaan yang berkaitan dengan ritual solat dan ibadah di bulan Ramadan. Penggunaan bahasa Melayu yang formal dan konsisten ini memastikan kejelasan dalam penyampaian maklumat berkaitan program keagamaan di dalam masjid, menjadikannya mudah difahami oleh semua ahli kariah. Walaupun terdapat beberapa unsur dialek Melayu Kedah dalam frasa seperti *lepa?tu* dan *mulayi*, namun penggunaan dialek ini lebih bersifat informal dan tidak mencakupi seluruh dialog (dalam hal ini, pola “a1 [b1] a1” juga dikesani dalam domain keagamaan).

Corak pilihan pola: a1 [b1] a1

Bedasarkan dapatan situasi komunikasi di perkarangan masjid, didapati peserta kajian yang berketurunan banjar dalam lingkungan umur 70-an menunjukkan usaha untuk menyelaraskan komunikasinya dengan konteks tempatan dengan mencuba menggunakan beberapa elemen dari dialek Kedah. Namun, dia tidak mampu untuk sepenuhnya meninggalkan Bahasa Banjar, yang merupakan bahasa ibundanya. Contohnya, walaupun mencuba menggunakan frasa *mai, mai, mai* yang umum dalam dialek Kedah bersamaan dengan *mari* untuk memanggil atau meminta orang datang, tetapi masih kedengaran *inguh Banjar* atau cara sebutan Banjar. Tindakan ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak dapat membuang sepenuhnya bahasa ibundanya walaupun cuba menggunakan dialek Kedah. Ini mungkin disebabkan oleh kedalaman hubungan emosional dan kebudayaan dengan Bahasa Banjar, serta kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan dialek lain selepas bertahun-tahun menggunakan Bahasa Banjar. Meskipun berusaha untuk menyesuaikan diri dengan situasi, peserta tetap memelihara identiti bahasa dan budaya Banjar mereka, yang menjadi sebahagian penting dari diri mereka. Contohnya, beliau masih menggunakan ungkapan Bahasa Banjar seperti “*misjid*” dan “*sukor*” untuk memanjatkan kesyukuran kerana ramai orang yang hadir berbuka di masjid. Ini menunjukkan kompleksiti dalam proses perubahan bahasa dan identiti dalam konteks sosial yang berbeza.

PERBINCANGAN

Berdasarkan keempat-empat lokasi yang dikaji, dapat dilihat bahawa terdapat pola penyisipan yang berbentuk “a1 [b1] a1” dalam semua situasi dan domain. Kewujudan bahasa asing diselit dalam sesuatu pertuturan menunjukkan bahawa bahasa masyarakat Banjar mula menunjukkan tanda-tanda peralihan. Justeru kerana mereka adalah masyarakat multilingual, gejala peralihan ini juga memperlihatkan bahasa minoriti ini sudah berada di tahap terancam kerana pengaruhi dari bahasa luar. Walaupun sebagai masyarakat multilingual, kesemua dialog-dialog dapat dilangsungkan dalam bahasa Melayu standard ataupun dialek Melayu Kedah sepenuhnya, namun kerana faktor jati diri, iaitu pihak lawan bicara yang terdiri daripada kaum Banjar, maka bahasa Banjar tetapi dipilih sebagai bahasa wahana utama. Secara rumusan, di Kampung Parit Haji Taib, pengekalan bahasa Banjar ditafsirkan masih teguh, terutamanya dalam domain persahabatan dan semasa kenduri kendara, di mana bahasa Banjar dipilih sebagai bahasa matrik. Di Warung Wadai, Masjid Tinggi, aktiviti jual beli mencerminkan penggunaan bahasa campuran yang meluas, dengan penjual menyesuaikan bahasa mereka dengan latar belakang bahasa pembeli.

Walau bagaimanapun, dalam konteks keagamaan di dalam masjid, penggunaan bahasa Melayu formal dan baku menjadi dominan, walaupun terdapat sedikit unsur dialek Melayu Kedah. Di perkarangan masjid, peserta kajian yang berketurunan Banjar berusaha menyelaraskan komunikasi dengan mencuba menggunakan beberapa elemen dari dialek Kedah, namun masih terlihat pengaruh kuat Bahasa Banjar dalam percakapan mereka. Ini menunjukkan dinamika kompleks pengekalan dan peralihan bahasa dalam masyarakat yang dipengaruhi oleh berbagai faktor sosial, kontekstual, dan generasional. Situasi ini sejajar dengan pandangan Noor Azam Othman (2016), iaitu fenomena peralihan bahasa dalam situasi multilingual adalah sesuatu yang kompleks dan terus berubah seiring dengan perubahan sosial, ekonomi, dan budaya.

KESIMPULAN

Berdasarkan domain persahabatan, jual beli, keagamaan, dan keluarga, dapat dilihat variasi yang signifikan dalam penggunaan bahasa di Bagan Serai. Bahasa Banjar tetap dominan dalam lingkungan persahabatan, menunjukkan kekukuhan

identiti budaya di Kampung Parit Haji Taib. Namun, dalam aktiviti jual beli, terdapat campuran bahasa yang meluas, menyesuaikan diri dengan latar belakang bahasa pembeli di Warung Wadai. Dalam konteks keagamaan di masjid, bahasa Melayu formal mendominasi, sementara dalam lingkungan keluarga, pengaruh bahasa Banjar masih kuat dalam perbualan sehari-hari. Dinamika ini mencerminkan adaptasi masyarakat terhadap berbagai konteks sosial, mencerminkan kompleksiti pengekalan dan peralihan bahasa di Bagan Serai, Perak.

Implikasi kajian ini memperlihatkan betapa pentingnya memahami variasi penggunaan bahasa dalam konteks sosial yang berbeza untuk melestarikan identiti budaya dan warisan bahasa. Dominasi bahasa Banjar dalam persahabatan menegaskan peranan hubungan interpersonal dalam mengekalkan bahasa warisan. Penggunaan bahasa campuran dalam aktiviti jual beli menunjukkan fleksibiliti dan adaptasi masyarakat dalam memenuhi keperluan komunikasi dengan latar belakang yang pelbagai. Dominasi bahasa Melayu formal dalam konteks keagamaan mencerminkan kepatuhan terhadap norma dan standard bahasa yang diterima dalam ritual keagamaan. Di peringkat keluarga pula, pengukuhan penggunaan bahasa Banjar dalam perbualan harian menekankan pentingnya keluarga sebagai agen utama dalam pengekalan bahasa. Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa strategi pengekalan bahasa perlu disesuaikan mengikut domain sosial yang berbeza untuk memastikan kesinambungan bahasa Banjar di Bagan Serai, Perak.

RUJUKAN

- Aiza Maslan @ Baharuddin dan Norazlan Hadi Yaacob. 2020. Komuniti Banjar di tanah rantau: Ibadah haji sebagai dorongan tradisi masyarakat Banjar ‘Madam Ka Banua Urang’. *Jurnal Perspektif* 12(1): 39-52.
- Ajas, T. & Chong Shin. 2022. Pemilihan bahasa di Kampung Sepa, Maluku Tengah, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 6(1): 73-85.
- Auer, P. 1998. Introduction: Bilingual conversation revisited. Dlm. *Code-Switching in Conversational: Language, Interaction and Identity*, disunting oleh Auer, P., 1-24. London: Routledge.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat & Mohammed Azlan Mis. 2021. Pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(2): 177-195.
- Syarifuddin Kadir. 2016. Pengelolaan Daerah Aliran Sungai Terpadu. <https://bpdasbarito.or.id/pengelolaan-daerah-aliran-sungai-terpadu/> [22 Julai 2024].
- Commans, M. 1987. *Manusia Daya; Dulu, Sekarang Dan Masa Depan*. Jakarta: Gramedia.

- Corisa Charolina. 2019. Pilihan bahasa masyarakat bilingual Banjar-Dayak di Palangka Raya dalam Ranah Keluarga. Tesis Sarjana, Universiti Negeri Samarang.
- Chong Shin, Hendrikus Mangku & Collins, J. T. 2018. Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 18(4): 61-80.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Dendy Indra Wardani, Sukamto & Hotma Simanjuntak. 2016. Pemilihan dan sikap bahasa warga Bubungan Banjar di Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa* 5(5): 1-17.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy anak Gedat dan Mohamed Azlan Mis. 2021. Pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(2): 177-193.
- Farinah Ismail. 2022. Penghijrahan dan Petempatan Masyarakat Banjar di Kerian Perak 1905-1947. Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ferguson, C. 2003. Diglossia. Dlm. Paulston, C.B. & Tucker, R.G. (pnyt.). *Sociolinguistics: The essential readings*, hlm. 345-358. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.
- Fishman, J. A. 1971. The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society. Dlm. Fishman, J.A. (pnyt). *Advances in Sociology of Language*, hlm. 217-405. The Hague: Mouton.
- Husni Mubarak. 2016. Sikap bahasa masyarakat Banjar dalam ranah keluarga dan pemerintah Kabupaten Kotabaru Kecamatan Pulau Laut Utara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Cendekia* 4(7):1-20.
- Kamal Hasuna & Akhmad Humaidi. 2018. Faktor penentu pilihan bahasa pada masyarakat multibahasa di Pasar Kemakmuran Kabupaten Kotabaru Provinsi Kalimantan Selatan. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 3(2):191-201.
- Kamaruddin Isayah. 2019. Analisis pemilihan dan percampuran bahasa dalam masyarakat Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand. Disertasi PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Khazin Mohd Tamrin. 1984. *Orang Jawa Di Selangor; Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. PKNS Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.1
- Ladegaard, H. J. 2000. Language attitudes and sociolinguistic behaviour: Exploring attitude-behaviour relations in language. *Journal of Sociolinguistics* 4(2): 214-233.
- Lindblad, J.T. 1988. *Between Dayak and Dutch the Economic History of Southeast Kalimantan 1880-1942*. The Netherlands: Foris Publications Holland.
- Marnita, R. 2013. Language choice and attitude of the Minangkabau in Padang and Payakumbuh, West Sumatra, Indonesia. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hanip Abdul Majid. 1982. The Banjarese in Parit Empat Selinsing, Perak, Malaysia Historical Society. Kuala Lumpur: Season Press Sdn Bhd, vol 25: 22.
- Noor Azam Haji-Othman & Siti Ajeerah Najib. 2016. The state of indigenous languages in Brunei. In *The use and status of language in Brunei*, eds. Noor Azam Haji Othman, J. McLellan & D. Deterding, 17-29. Singapore: Springer.
- Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim. 2005. Penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu analisis domain. *Jurnal Bahasa* 5(1): 1-50.
- Riduan Makhtar, Siti Aisah Zailani dan Abd Ganing Laengkang. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, e-Prosiding.
- Riwut, T. 1993. *Kalimantan: Membangun Masyarakat di Tengah-Tengah Alam*. Gramedia Pustaka Utama.
- Sa'adiah Ma'alip. 2014. Pemilihan bahasa: proses peralihan bahasa masyarakat Che Wong. *Jurnal Melayu* 12(1): 32-43.
- Saifullah & Susi Fitria Dewi. 2018. *Keberadaan Etnik atau "Urang" Banjar di Malaysia*. Padang: Hayfa Press.
- Salim, H. 2001. *Masyarakat Dayak Meratus, Agama Resmi dan Emansipasi*. Yogyakarta: Studi dan Pengembangan Borneo.
- Sercombe, P. G. 2002. Linguistic Continuity and Adaptation among the Penans of Brunei. Thesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sercombe, P. G. 2010. Language and education: the experience of the Penan in Brunei. *International Journal of Educational Development* 30: 625-635.
- Usman Haji Yaacob & Tarmiji Masron. 2005. Isu-isu Kependudukan dan Migrasi di Malaysia. *International Organisation for Migration (IOM)*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, hlm.6.
- Yusmawati Mat Yusof. 2021. Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar terpilih di Daerah Kerian, Perak. Disertasi Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Winford, D. 2003. *An Introduction to Contact Linguistics*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.

Mohd Khaidir Abdul Wahab (pengarang korespondan)
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor
 E-mel: p129839@siswa.ukm.edu.my/mohdkhaidir@usm.my

Chong Shin
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor
 E-mel: chongshin@ukm.edu.my

Karim Harun
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor
 E-mel: linguist@ukm.edu.my